

Newspaper	Berita Harian
Date	7 July 2015

983 INFO FOLIO

7 JULAI 2015 SELASA BH M5

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my
Kuala Lumpur

Sikap alpa dan kegagalan untuk bersatu padu serta hormat-menghormati dalam kalangan rakyat berisiko membuka ruang kepada anasir luar mengeksploitasi kelemahan itu bagi mengaut keuntungan dimiliki negara ini, terutama dari aspek ekonomi.

Walaupun Malaysia kini menikmati kedaulatan dan kemerdekaan daripada cengkaman penjajah, faktor kritikal seperti keteguhan perpaduan nasional serta kecekapan pentadbiran negara, sekiranya tidak dipertahankan boleh mengundang ancaman pencerobohan kuasa.

Guru Cemerlang Sejarah di Selangor, Encik Muslimin Fadzil, berkata antara contoh yang harus diambil iktibar ialah sejarah campur tangan serius British dalam urusan pentadbiran tanah air sebelum pembentukan Persekutuan pada tahun 1896.

Beliau berkata, peristiwa itu menyaksikan British melabakan kuasanya dengan melantik Residen di empat negeri, iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.

Melampaui batas "Peranan Residen yang sepatutnya bertindak sebagai penasihat, bagaimanapun di-salahgunakan. Residen British campur tangan dalam adat resam dan adat istiadat orang Melayu. Tindakan Residen menghapuskan amalan perhambaan dianggap melampaui bidang kuasa mereka."

"Bagi Sultan dan pembesar, amalan perhambaan merupakan adat turun-temurun dalam masyarakat Melayu tradisional. Penghapusan amalan perhambaan dan pengambilalihan tugas memungut cukai dianggap melampaui batas serta mengakibatkan Sultan murka," katanya.

Pada tahun 1895, Encik Muslimin berkata, kerajaan British mengarahkan Frank Swettenham mendapatkan persetujuan Sultan terbahit bagi membentuk Persekutuan.

Hasilnya, beliau berkata, Sultan Perak, Selangor dan Pahang serta Yang di-Per-tuan Besar Negeri Sembilan bersetuju menandatangani pembentukan Persekutuan.


"Pada 1 Julai 1896, Persekutuan itu dibentuk dengan nama Negeri-negeri Melayu Bersekutu dengan antara lain Sultan bersetuju menerima seorang pegawai British bergelar 'Residen Jeneral,'" katanya.



Kemerdekaan menjadi tunjang kedaulatan negara.

Persetiaan Persekutuan

Calon PT3 mendapat banyak manfaat daripada tajuk kajian lapangan mata pelajaran Sejarah



INFO

Kajian lapangan 'Persetiaan Persekutuan'

- Tugas dihasilkan dalam tempoh lapan waktu PdP bulan ini.
- Aktiviti mencari dan mengumpulkan maklumat boleh dilakukan pada luar waktu PdP.
- Kajian boleh dilaksanakan dalam kumpulan tetapi hasil tugas mesti dibuat secara individu.
- Digalakkan menyertakan foto rajah/grafik yang relevan untuk menjelaskan hasil kajian.
- Menulis sumber rujukan dengan betul.
- Hasil tugas mesti menggunakan tulisan tangan.



Gambar bersejarah Residen British (kiri) dengan pembesar Negeri Sembilan.

MELALUI KAJIAN, CALON AKAN MENDAPAT PENDEDAHAN MENGENAI ASPEK KERJASAMA ERAT ANTARA KERAJAAN NEGERI DAN SEMANGAT UNTUK MEMBANGUN SERTA MEMAJUKAN NEGARA"

Encik Muslimin Fadzil, Guru Cemerlang Sejarah



Generasi muda harus menghayati nilai sejarah tanah air.

Maklumat tambahan

Maka bertepatan dengan hasrat memastikan generasi muda kini menghayati nilai pengajaran daripada penjajahan, kuasa luar, calon Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) tahun ini dikehendaki menghasilkan satu kajian lapangan bertajuk 'Persetiaan Persekutuan' bagi mata pelajaran Sejarah.

Beliau berkata, tugas itu memerlukan calon mengkaji petikan dokumen 'Persetiaan Persekutuan' yang diberikan dan mendapatkan maklumat tambahan melalui pelbagai bahan rujukan.

Seterusnya, calon perlu menghasilkan laporan dengan panjang tidak kurang daripada 300 patah perkataan yang merangkumi tajuk kajian, nama penulis, isi kandungan, rumusan dan senarai sumber rujukan.

"Isi kandungan pula dibahagikan kepada beberapa butiran, iaitu pengenalan, faktor, kesan dan hubung kait," katanya.

Berdasarkan Kerangka Pelaksanaan Tugasan dikeluarkan Kementerian Pendidikan untuk kerja lapangan Sejarah PT3, Encik Muslimin berkata, penghasilan tugas itu dalam tempoh lapan waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) bulan ini, memerlukan pelajar melakukan beberapa proses secara berperingkat.

Proses itu bermula dengan perancangan lengkap, tepat

dan realistik membabitkan jadual kerja, senarai semak dan objektif, kaedah serta tajuk kajian, diikuti pengumpulan maklumat melalui pelbagai bahan rujukan, penyediaan kerangka kasar penulisan dan pengenalan bersesuaian yang menggambarkan keseluruhan kandungan.

Selain itu, katanya, calon perlu menjelaskan semua faktor secara terperinci, tepat dan menunjukkan pengetahuan luas terhadap fakta sejarah yang diperoleh hasil pengumpulan maklumat kajian.

Sebagai contoh, beliau berkata, menggariskan beberapa faktor pembentukan Persekutuan pada tahun 1896, antaranya pelantikan Residen sebagai penasihat, salah guna kuasa Residen, kuasa Sultan tergugat dan krisis hutang di Pahang.

Perkaitan terperinci

"Calon kemudian perlu memberikan kesan pembentukan itu, termasuk pemusatan kuasa Residen Jeneral dan kemerosotan kuasa Sultan, Residen serta Majlis Mesyuarat Negeri."

"Mereka harus membuat perkaitan terperinci antara tajuk yang dikaji dan hasil dapatannya dengan kedaulatan Malaysia. Sebagai contoh, pentadbiran kerajaan membentuk Persekutuan dengan sistem teratur kekal hingga kini; wujud kestabilan politik, ekonomi dan sosial; negara kekal merdeka dan berdaulat; rakyat hidup damai dan harmoni; serta Malaysia berkembang di persada dunia."

"Pada peringkat akhir, calon mesti membuat rumusan secara keseluruhan, mengemukakan rujukan dan mengemukakan penilaian umum supaya tugas dihasilkan adalah tersusun," katanya.

Encik Muslimin berkata, tajuk berkaitan perpaduan itu amat bermanfaat kepada pelajar yang boleh mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber, sekali gus memupuk semangat bekerjasama sepanjang proses pengumpulannya.

"Melalui kajian tajuk itu, calon akan mendapat pendedahan mengenai aspek kerjasama erat antara kerajaan negeri dan semangat untuk membangun serta memajukan negara. Ini secara langsung boleh turut memupuk keazaman mereka untuk mempertahankan kedaulatan Malaysia."

"Kaedah inkuiri yang dilaksanakan pelajar akan memperluas perolehan ilmu mereka. Contohnya, pelajar dapat mengetahui asal usul kewujudan masyarakat majmuk, sekali gus meningkatkan perasaan bangga hidup dalam negara yang rakyatnya terdiri daripada komposisi unik," katanya.